



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Puasa 4 - 15 Mac 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu dinyatakan dalam keagungan sebelum menanggung sengsara maut di atas kayu salib: berilah kami iman untuk melihat kemuliaan-Nya, supaya dikuatkan menanggung sengsara bersama Dia dan diubah mirip seperti Dia, daripada kemuliaan ke kemuliaan; yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin

Injil - Yohanes 16:1-11

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 8:1-8



YOHANES 16:33

**KUATKANLAH HATIMU
AKU TELAH MENGALAHKAN DUNIA**

“Yesus, tolong saya mengharungi waktu yang sukar ini.”

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. LUANGKAN MASA UNTUK BERDOA

Konferensi Doa ADOS-W, 19–21 Mac – Lebih daripada 70 orang daripada jemaat kita telah mendaftar untuk konferensi ini yang akan bermula pada Khamis ini di Katedral All Saints, jam 8:00 malam. Kira-kira 500 orang telah pun mendaftar. Penyertaan secara *walk-in* juga masih dialu-alukan. Marilah kita saling menggalakkan untuk berdoa bagi umat Tuhan dan negeri kita.



2. SELARASKAN SEMULA & MULAKAN SEMULA

Masa Pra-Paskah adalah peluang untuk kita menyusun semula hidup, merenung, dan mulakan semula. Beberapa aktiviti:

- Doa Tengah Hari – Isnin–Jumaat, 12:00 pm-12:30 pm. Hibrid – di gereja dan melalui Zoom.
Zoom Meeting ID: 880 9835 3961
Passcode: 570597
- Siri khotbah ini adalah renungan tentang pesanan terakhir Yesus kepada murid-murid-Nya pada malam Dia dikhianati (Yohanes 13–17). Topik tersedia:
 - **15 Mac, Puasa 4: 'Bersiap Siaga' – Yohanes 16**
 - 22 Mac, Puasa 5: 'Menjadi Satu' – Yohanes 17



3. KEBAKTIAN MINGGU SUCI

- Minggu Palma, 29 Mac – Kebaktian seperti biasa; dengan daun salib palma.
- Khamis Putih, 2 April, 8:00 mlm – Penetapan Perjamuan Kudus.
- Jumaat Agung, 3 April -
 - 6:00 pagi - Kebaktian Kesyukuran di tanah-tanah perkuburan Ibadah Jumaat Agung di gereja :
 - 12:00–1:00 tghri – Ibadah CINA
 - 1:00–2:00 tghri – Ibadah ENGLISH
 - 2:00–3:00 tghri – Ibadah BM
- Hari Raya Kebangkitan (Paskah), 5 April:
 - 5:00 pagi – Kebaktian BM; diikuti sarapan
 - 8:00 pagi – Kebaktian CH; diikuti jamuan pagi
 - 10:00 pagi – Kebaktian EN; diikuti makan tengah hari

4. PEMBAPTISAN & PENETAPAN

- Baptisan akan dijalankan pada semua Kebaktian tanggal 12 April,

Ahad pertama selepas Paskah. Sila mendaftar.

- Penetapan (Confirmation) akan diadakan pada bulan Ogos. Sila daftar untuk kelas persediaan.

5. KHEMAH KANAK-KANAK BM

23-24 Mac - Seramai 85 kanak-kanak telah mendaftar; termasuk 30 kanak-kanak dari Katedral. Marilah kita berdoa agar mereka mengalami masa pembelajaran yang menyenangkan, bersuka ria, dan mengenal kawan baru. Doakan juga perlindungan keselamatan bagi semua kanak-kanak.



6. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

MAT kita akan diadakan pada Ahad Palma, 29 Mac, jam 2:00 petang. Laporan dan akaun akan tersedia pada Ahad, 22 Mac. Berdoalah agar pertemuan keluarga gereja CCL nanti menjadi satu pertemuan yang penuh makna.

7. PELAYANAN LAINNYA

- 23-24 Mac – **Seminar LGBTQ**, Gereja Good Samaritan.
- 17–19 April – **Lawatan Misi Koir** ke Gereja St. Patrick, Tawau. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Vivienne.
- 1 Mei - ARK memulakan kemudahan '**Pusat jagaan harian**'. Warga emas datang untuk sehari sahaja, 8:00 pagi–5:00 petang; untuk bersahabat, makan, aktiviti dan rehat. Sila daftar. Terhad kepada 10 warga emas sahaja. Maklumat lanjut: hubungi Warden, Rev. Clarence (h/p: 016-818 9013).
- Setiap Ahad petang, **permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Hubungi Anjun. Bawa rakan-rakan anda.

8. PROJEK LABUR - PUJI TUHAN & TERIMA KASIH

Kita telah mencapai sasaran sebanyak RM1.2 juta. Sehingga kini, jumlah yang diterima ialah RM1,203,574.05. Puji Tuhan atas kesetiaan-Nya, dan terima kasih atas kemurahan hati anda semua. Sumbangan tambahan tentunya masih amat dialu-alukan. Dana ini akan digunakan untuk beberapa kerja tambahan kecil serta penyediaan perabot.

Bangunan ini akan dinamakan "Shalom House" atau "Rumah Damai Sejahtera".



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Mac 16	1 Kor 4	Mz 71	Jum, Mac 20	1 Kor 8	Mz 75
	Sel, Mac 17	1 Kor 5	Mz 72	Sab, Mac 21	1 Kor 9	Mz 76
	Rab, Mac 18	1 Kor 6	Mz 73	Ahd, Mac 22	1 Kor 10	Mz 77
	Kha, Mac 19	1 Kor 7	Mz74			

"Bersedialah Menghadapi Masa-masa Sukar" – Yohanes 16
Untuk Renungan & Perbincangan

- Jika orang bertanya, "Mengapa kamu pergi ke gereja?", apa jawapan anda?
- Yesus memberitahu para murid bahawa mereka akan menghadapi penganiayaan (ay.2). Apakah bentuk penganiayaan yang mungkin mereka alami? Mengapakah Yesus memberi amaran lebih awal kepada mereka (ay.1)?
- Yesus berkata bahawa Roh Kudus akan datang selepas Dia pergi (ay.7). Menurut petikan ini, apakah yang akan dilakukan oleh Roh Kudus (ay.8-11)? Roh Kudus akan membawa keyakinan / menyedarkan manusia tentang dosa. Mengapakah ada orang yang tidak mahu menerima teguran tentang dosa mereka?
- Apakah lagi yang dilakukan oleh Roh Kudus (ay.14)? Apakah ciri seseorang yang dipenuhi atau dipimpin oleh Roh Kudus?
- Dalam menghadapi masa-masa sukar (penganiayaan), bagaimana kita boleh menghadapinya (ay.24)? Kepada siapakah kita boleh bergantung (ay.33)? Apakah yang mungkin kita alami apabila kita berdoa dan bergantung sepenuhnya kepada Yesus?

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk gereja yang dianiaya di seluruh dunia; agar orang Kristian tetap setia dalam iman dan kesaksian mereka digunakan sepenuhnya oleh Tuhan.

Negeri kita yang tercinta

- Berdoa agar Tuhan mengangkat pemimpin yang layak untuk memimpin dan melayani rakyat.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita teguh menghadapi cabaran, godaan, dan pilihan sukar dalam iman kita.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes.